

**PM, TPM Diperkenalkan Kepada Akhbar NST Berwajah Baru
Bernama
11 November, 2011**

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini diperkenalkan kepada akhbar New Straits Times (NST) yang berwajah baru di Bangunan Perdana Putra.

Mereka diberi taklimat mengenai perubahan pada akhbar harian berbahasa Inggeris itu oleh Pengarang Kumpulan NST Datuk Syed Nadzri Syed Harun, Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima Berhad Datuk Ahmad A. Talib, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif NSTP Datuk Anthony Firdaus Bujang dan Ketua Pegawai Operasi NSTP Mohammad Azlan Abdullah.

Akhbar dengan imej baru itu berada di pasaran bermula hari ini, bukan sahaja menggunakan kepala akhbar, format reka bentuk dan isi kandungan baru tetapi juga memaparkan gambar-gambar dan iklan-iklan dalam tiga dimensi (3D).

Najib mengucapkan tahniah kepada NST bagi langkah penjenamaan semula akhbar itu.

"Saya yakin NST akan menerima respons positif daripada orang ramai," katanya.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626068>